

# Dr. M seru Iran - Iraq berdamai

**K**UALA LUMPUR, 16 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad merayu Perdana Menteri Iran, Mir Hussein Musavi dan Presiden Iraq, Saddam Hussein supaya memberhentikan pertempuran dengan segera dan kembali kepada perdamaian demi kepentingan perpaduan Islam.

Dalam perutusannya yang berasingan kepada kedua-dua pemimpin negara Islam itu semalam, Perdana Menteri Malaysia melahirkan rasa kesalnya yang mendalam terhadap pertempuran yang meletus semula di antara tentera Iran dan Iraq.

Basrah semalam dalam pertempuran yang disifatkan oleh para pakar analisa Amerika sebagai yang terbesar seumpamanya sejak Perang Dunia Kedua.

Iraq berkata pasukan tenteranya, berjaya mematahkan pendudukan tentera Iran yang berusia 2 hari itu, menyebabkan beribu-ribu kemalangan jiwa dalam pertempuran di bumi dan udara.

Iran pula berkata pasukan tenteranya telah "mematahkan" serangan balas Iraq dan masih lagi bergerak mara ke dalam wilayah Iraq.

Bagaimanapun satu pernyataan tentera Iran yang disiarkan malam tadi tidak menyentuh langsung satu dakwaan sebelumnya bahawa pasukan tenteranya telah mara hingga sejauh 9 batu dari Basrah, satu-satunya bandar pelabuhan Iraq di Teluk Parsi. Para pakar analisa berkata ini bererti tentera Iran

Demi kepentingan perpaduan Islam dan perdamaian ummah keseluruhannya, beliau merayu kedua-dua belah pihak yang terlibat itu supaya menamatkan pertikaian untuk mengembalikan perdamaian dan keamanan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa sejak meletusnya peperangan di antara dua negara Islam itu Malaysia telah melahirkan rasa kesalnya terhadap pertikaian itu.

Katanya, Malaysia telah menyertai Jawatankuasa Pendamai Negara-Negara Islam dalam usaha yang ikhlas serta bersungguh-sungguh untuk mencari satu penyelesaian dan perdamaian di antara dua negara Islam itu.

Beliau juga dalam perutusannya melahirkan harapan yang tinggi agar kedua-dua pihak itu menyambut baik rayuannya dalam semangat keislaman dan demi kepentingan ummah keseluruhannya.

Sementara itu Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie menegaskan bahawa Malaysia juga bimbang peperangan Iran-Iraq itu akan mengakibatkan campur tangan pihak ketiga.

"Dan peperangan di antara dua negara Islam itu mungkin merebak menjadi peperangan di antara pihak Arab dengan bukan Arab, dan bukan lagi peperangan di antara Iran dan Iraq," tambahnya.

Beliau berkata lagi, campur tangan pihak ketiga akan juga mengakibatkan perpecahan di kalangan umat Islam.

Mengenai pendirian Malaysia, Tan Sri Ghazali menegaskan bahawa Malaysia tidak memihak kepada sesiapa yang terlibat dalam peperangan itu.

"Malaysia tidak memihak kepada Iran atau Iraq. Yang kami mahu ialah perdamaian bagi kedua-dua negara itu dan bagi perpaduan Islam," tambahnya.

Sementara itu, dari Beirut dilaporkan satu gelombang kemaraan tentera Iran menyerang kedudukan tentera Iraq berhampiran bandar pelabuhan

telah diundurkannya.

Kedua-dua pihak melaporkan pertempuran sengit dengan jet pejuang, kereta-kereta kebal, meriam berat dan helikopter bersenjata.

Setakat ini tidak dapat disahkan dakwaan-dakwaan tersebut atau jumlah kemalangan jiwa yang dikatakan mencapai angka ratusan orang terbunuh di setiap pihak.

Bagaimanapun laporan dari Teluk Parsi dan maklumat yang diperolehi di Washington oleh punca-punca pentadbiran Reagan menunjukkan kedua-dua pihak terlibat dalam perang paling besar sepanjang perang Teluk yang berusia 22 bulan itu.

Punca-punca perisikan Amerika berkata kira-kira 200,000 askar - 100,000 orang di setiap pihak - terlibat dalam apa yang mereka anggap pertempuran terbesar di satu medan pertempuran yang sempit sejak Perang Dunia Kedua.

Sementara itu negara-negara konsevertif Arab lainnya merasa bimbang bahawa sekiranya Iran menang, ia merupakan satu langkah pertama dalam usaha Ayatollah Ruhollah Khomeini menyebarkan Revolusi Islamnya ke seluruh negara-negara rantau Teluk untuk menggulingkan satu demi satu rejim Arab yang pro-Barat. - UPI.